

SOALAN NO: 82

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL4 [PR-1352-T00655]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah terdapat cadangan pembangunan semula di kawasan kawasan perumahan di Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perumahan di Seksyen 1, Seksyen 2 dan Seksyen 4 Wangsa Maju adalah merupakan perumahan yang dimiliki oleh individu di bawah pengawasan dan penyeliaan *Joint Management Body* (JMB).

Bagi tujuan pembangunan di kawasan ini, adalah menjadi tanggungjawab pihak pemaju untuk berunding terus dengan para penghuni kawasan tersebut bagi membolehkan projek pembangunan dilaksanakan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pernah menerima 3 permohonan untuk membangunkan kawasan Seksyen 1, 3 permohonan untuk kawasan Seksyen 2 dan 1 permohonan untuk kawasan Seksyen 4.

DBKL telah menasihati kesemua pemaju ini supaya berhubung terus dengan penghuni melalui JMB atau NGO untuk mendapatkan persetujuan bagi membolehkan kawasan-kawasan ini untuk dibangunkan.